

**FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN
UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN**

ASPIRASI

EDISI 2, 2025

ISSN : 2735-0525

**GREEN IS THE NEW "GOLD":
PELABURAN ESG DALAM DUNIA
YANG SEMAKIN PANAS**

**SYED NORHAIMI SYED ZIN:
Mengubah Persepsi
Pertanian Malaysia**

**TRANSFORMASI PEMBELAJARAN
DALAM ERA DIGITAL**

**Generasi Z:
Merentas Evolusi
Pembelajaran dan Dunia
Pekerjaan**



ERA DIGITAL

Penulis: Iskandar Ariffin
Mohd Elfee Ab Rashid
Bashir Ahmad Shabir Ahmad



Dunia pendidikan hari ini mengalami transformasi besar hasil daripada perkembangan teknologi digital. Media sosial yang pada awalnya dicipta untuk tujuan komunikasi dan hiburan, kini telah berkembang menjadi salah satu alat penting dalam menyokong proses pembelajaran. dan pensyarah tidak lagi hanya bergantung kepada kaedah konvensional seperti kuliah di kelas, papan putih, atau buku teks. Sebaliknya, mereka mula memanfaatkan platform media sosial seperti Facebook, Instagram, TikTok, YouTube, dan WhatsApp sebagai medium untuk menyampaikan ilmu.



Kebanyakan pelajar, khususnya generasi Z dan Alpha, lebih cenderung menggunakan gajet dan media sosial dalam kehidupan seharian. Justeru, pendekatan ini menjadikan proses pembelajaran lebih dekat dengan gaya hidup pelajar, interaktif, serta mudah difahami. Artikel ini akan membincangkan beberapa strategi pensyarah dalam menggunakan media sosial untuk pembelajaran, berserta contoh-contoh terkini yang relevan

Strategi Media Sosial

Strategi 1: Menggunakan TikTok untuk Micro-Learning

TikTok bukan sekadar platform hiburan, malah kini digunakan secara meluas sebagai medium pendidikan. Pensyarah boleh menghasilkan video pendek berdurasi 30–60 saat yang padat dengan isi penting. Konsep micro-learning ini membantu pelajar memahami topik sukar dengan lebih cepat kerana disampaikan secara ringkas dan visual.

Contoh :

Seorang pensyarah Matematik menggunakan TikTok untuk mengajar cara cepat menyelesaikan soalan persamaan. Video beliau mendapat ribuan tontonan kerana penyampaian yang santai tetapi berkesan.

Pensyarah Sejarah membuat TikTok berbentuk storytelling mengenai tokoh-tokoh dunia. Pelajar lebih mudah ingat fakta sejarah kerana dipersembahkan dalam bentuk cerita bergambar dan muzik latar.

Strategi 2: YouTube sebagai Platform Pembelajaran

YouTube sesuai untuk penyampaian topik yang lebih panjang. Pensyarah boleh memuat naik kuliah, nota video, atau demonstrasi eksperimen. Platform ini juga membolehkan pelajar mengulang tayang video mengikut keselesaan masing-masing.

Contoh:

Pensyarah Sains memuat naik video eksperimen makmal ke YouTube supaya pelajar yang tidak dapat hadir secara fizikal masih boleh mengikuti pembelajaran.

Seorang pensyarah Fizik menggunakan animasi di YouTube untuk menerangkan hukum Newton, menjadikan pelajar lebih cepat memahami konsep abstrak.

Strategi 3: WhatsApp & Telegram untuk Komunikasi & Tugasan

Walaupun bukan aplikasi khusus untuk pendidikan, WhatsApp dan Telegram merupakan media sosial paling praktikal kerana hampir semua pelajar menggunakannya. Pensyarah boleh menubuhkan group kelas untuk berkongsi nota, pautan video, dan pengumuman tugasan.

Contoh:

Ketika pandemik COVID-19, kebanyakan pensyarah menggunakan WhatsApp Group untuk menggantikan komunikasi kelas bersemuka.

Telegram pula semakin popular kerana mempunyai fungsi "channel" dan "bot" yang boleh memudahkan pensyarah memberi kuiz automatik dan menggunakan Telegram Poll untuk mendapatkan maklum balas segera daripada pelajar tentang topik yang mereka kurang faham.

Strategi 4: Facebook & Instagram untuk Pembelajaran Visual

Facebook dan Instagram sesuai untuk perkongsian infografik, poster digital, nota bergambar, dan sesi live streaming. Visual yang menarik membantu pelajar mengingat isi pelajaran dengan lebih mudah.

Contoh:

Pensyarah Bahasa Inggeris membuat Instagram Reels dengan tip penggunaan tatabahasa harian. Pelajar lebih mudah mengingat kerana disertakan contoh situasi sebenar.

Sesetengah pensyarah menggunakan Facebook Live untuk mengadakan kuliah jarak jauh. Ia membolehkan pelajar berinteraksi secara langsung dengan mengemukakan soalan di ruangan komen. Disamping itu, penggunaan Instagram untuk berkongsi video pendek, resipi kulinari sebagai sebahagian daripada pembelajaran program masakan.



Strategi Media Sosial

Strategi 5: Gamifikasi melalui Media Sosial

Gamifikasi bermaksud menggunakan elemen permainan dalam pembelajaran. Pensyarah boleh menjadikan media sosial lebih interaktif dengan kuiz, cabaran, atau pertandingan kecil.

Contoh:

Pensyarah Kimia menggunakan TikTok Challenge untuk pelajar menghasilkan video eksperimen ringkas di rumah.

Pensyarah perniagaan menggunakan Instagram Story "quiz" untuk menguji kefahaman pelajar tentang konsep pemasaran.

Pensyarah juga boleh menggunakan WhatsApp Quiz mingguan sebagai cara menyeronokkan untuk menguji pengetahuan pelajar.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, media sosial bukan lagi sekadar platform hiburan tetapi telah menjadi alat yang berkesan untuk pendidikan. Dengan strategi yang sesuai, pensyarah dapat menjadikan pembelajaran lebih interaktif, menarik, dan relevan dengan dunia pelajar. TikTok boleh digunakan untuk micro-learning, YouTube untuk kuliah panjang, WhatsApp dan Telegram untuk komunikasi pantas, manakala Facebook dan Instagram untuk pembelajaran visual.

Dalam era digital ini, kejayaan pensyarah bukan hanya bergantung kepada kepakaran mengajar di dalam kelas, tetapi juga keupayaan mereka memanfaatkan teknologi yang dekat dengan pelajar. Jika dimanfaatkan dengan baik, media sosial boleh mengubah wajah pendidikan — menjadikannya lebih inklusif, kreatif, dan berkesan.

Rujukan Akademik & Jurnal

Junco, R. (2012). The relationship between frequency of Facebook use, participation in Facebook activities, and student engagement. *Computers & Education*, 58(1), 162–171.

Greenhow, C., & Lewin, C. (2016). Social media and education: Reconceptualizing the boundaries of formal and informal learning. *Learning, Media and Technology*, 41(1), 6–30.

Al-Sharqi, O. Z., Hashim, K., & Kutbi, I. (2015). Perceptions of social media impact on students' social behavior: A comparison between Arts and Science students. *International Journal of Education and Social Science*, 2(4), 122–131.

